

**PENCAPAIAN BARISAN NASIONAL (BN) DI KAWASAN PARLIMEN  
DAN DUN MAJORITI PENGUNDI KAUM CINA DI NEGERI SABAH:  
SATU ANALISIS PERBANDINGAN PRU-13 DAN PRU-14  
*THE ACHIEVEMENT OF BARISAN NASIONAL (BN) AT  
PARLIAMENTARY AND STATE SEATS IN THE MAJORITY CHINESE  
AREA IN SABAH: A COMPARATIVE ANALYSIS IN GE-13 AND GE-14***

MOHD. NOOR MAT YAZID<sup>1</sup>  
MD. SAFFIE ABD. RAHIM<sup>2</sup>

Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah  
*Noor.yazid@ums.edu.my; pie@ums.edu.my*

**ABSTRAK** Artikel ini membincangkan dan menganalisis pencapaian Barisan Nasional (BN) di kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang mempunyai majoriti pengundi kaum Cina di negeri Sabah dalam PRU-13 dan PRU-14. Sebelum PRU 2008, kedudukan BN adalah kukuh di semua kawasan Parlimen dan DUN majoriti kaum Cina di negeri Sabah. Kesemua kawasan Parlimen dan DUN majoriti kaum Cina dikuasai oleh BN dengan kukuh, tetapi mulai PRU 2008 dan PRU 2013, keadaan telah berubah. Dalam PRU 2008, sokongan pengundi kaum Cina terhadap BN mula menurun. Walaupun pihak *Democratic Action Party* (DAP) hanya berjaya memenangi satu kawasan Parlimen dan satu kawasan DUN dalam PRU 2008, tetapi sokongan pengundi terhadap BN telah menurun. Dalam PRU-13, Mei 2013 sokongan kepada pembangkang khususnya DAP telah meningkat. Dua buah kawasan parlimen, iaitu P.172 Kota Kinabalu dan P.186 Sandakan telah dimenangi oleh calon DAP, manakala empat kawasan DUN, iaitu N.14 Likas, N.16 Luyang, N.19 Kepyayan dan N.57 Sri Tanjong telah dikuasai oleh DAP. Sebuah kerusi DUN majoriti pengundi kaum Cina juga dikuasai oleh PKR, iaitu N.15 Api-Api. Parti-parti pembangkang menguasai tujuh kerusi kesemuanya di kawasan majoriti kaum Cina, iaitu dua buah kawasan Parlimen dan lima kawasan DUN. Objektif kajian ini adalah bagi melihat kedudukan BN di kawasan majoriti pengundi kaum Cina dalam PRU-14, iaitu sama ada mengalami perubahan dengan apa yang dicapai dalam dua pilihan raya lepas (PRU 2008 dan 2013), kedudukan yang terkini parti-parti komponen BN di kawasan majoriti kaum Cina melalui PRU-14 serta apakah faktor yang dapat menjelaskan kenapa berlaku sedemikian? Kajian ini menggunakan analisis kualitatif berasaskan data sekunder (buku, akhbar

dan sebagainya) dan data primer (pemerhatian dan temu bual). Hasil kajian ini merumuskan bahawa terdapat perubahan besar pengundi kaum Cina, khususnya di kawasan majoriti pengundi kaum Cina, sama ada di kawasan DUN atau kawasan Parlimen. Semua kawasan pengundi kaum Cina gagal dikuasai oleh calon BN, sebaliknya dikuasai oleh Parti DAP atau parti-parti politik dalam kerjasama Pakatan Harapan (PH). Majoriti yang diperoleh calon DAP adalah sangat besar. Sokongan yang sangat lemah diperoleh oleh calon BN. Trend yang berlaku di Sabah ini adalah sama dengan apa yang berlaku di negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu dan Sarawak. Kedudukan negeri Sabah sebagai 'simpanan tetap' bagi BN sudah tidak lagi wujud. Sekali gus, perubahan politik yang berlaku di Sabah ini menyumbang kepada perubahan yang berlaku dalam pembentukan kerajaan pusat. Dengan maklumat dan hasil penemuan kajian ini, parti-parti politik yang berkaitan, khususnya BN yang sekian lama berkuasa di negeri Sabah dapat menggunakannya dalam menganalisis kedudukan dan strategi serta perancangan bagi kepentingan dalam PRU akan datang.

**Kata kunci:** PRU-14, etnik, Cina, majoriti, Sabah.

**ABSTRACTS** *This paper discusses the achievement of Barisan Nasional (BN) in State and Parliamentary level in the Chinese majority areas in the GE-13, 2013 and GE-14, 2018. Before GE-12, 2008, the position of BN in the state of Sabah in the State and Parliamentary level was very strong. Beginning from GE-12, 2008 there were some changes of the BN position in Sabah. The result of the GE-12, 2008 had shown that the support of Chinese voters toward BN candidates decreased. Although Democratic Action Party (DAP) only won one Parliamentary seat and one state seat in the GE-12, 2008, but we can see that the popular votes of the Chinese voters to BN candidate had declined. In GE-13, 2013 we can see that the Chinese voters' support to the opposition, especially DAP had increased. Two Parliamentary seats, P.172 Kota Kinabalu dan P.186 Sandakan won by DAP candidates, and four state seats N.14 Likas, N.16 Luyang, N.19 Kepayan and N.57 Sri Tanjong won by the DAP candidates. One of the Chinese majority state seats won by PKR candidate, N.15 Api-Api. The non-BN political parties (then then opposition political parties) won two Parliamentary seats and five states seats. The objective of this study is to analyse the position of BN in the Chinese majority*

*areas in the GE 14; Are there any changes in the two previous general elections (GE-12, 2008 and GE-13, 2013)? What is the position of the BN in GE-14 in Chinese majority areas and what factors contributed to that position? This study used primary data (observation and interview) and secondary data (book, newspapers etc.). This study concludes that there are great changes in the pattern of Chinese voters in the GE-14 at both levels, Parliamentary and state level. All majority Chinese areas are controlled by the non-BN political parties. BN candidates failed to maintain their position. DAP, Parti Warisan and PKR gained strong support in gaining big majority, while BN candidates were very weak. The voters' trend is similar with what had happened in the Federation of Malaya and Sarawak. The voters of Sabah can no longer be considered as 'fixed deposit' by BN. The failure of BN in Sabah contributed to the failure of BN in controlling Federal politics. The findings of this study can be useful for political parties, especially BN in analysing and planning their future political strategies.*

**Keywords:** *GE-14, ethnic, Chinese, majority, Sabah.*

## **PENGENALAN**

Kajian ini membincangkan dan menganalisis pencapaian BN di kawasan Parlimen dan DUN majoriti pengundi kaum Cina di negeri Sabah dalam PRU-13 dan PRU-14. Sebelum PRU 2008, kedudukan BN adalah kukuh di semua kawasan Parlimen dan DUN majoriti kaum Cina di negeri Sabah. Kesemua kawasan Parlimen dan DUN majoriti kaum Cina dikuasai oleh BN dengan kukuh, tetapi mulai PRU 2008 dan PRU 2013 keadaan telah berubah. Dalam PRU 2008, sokongan pengundi kaum Cina terhadap BN mula menurun. Walaupun pihak DAP hanya berjaya memenangi satu kawasan Parlimen dan satu kawasan DUN dalam PRU 2008, tetapi sokongan pengundi terhadap BN telah menurun.

Dalam PRU ke-13, Mei 2013 sokongan kepada pembangkang, khususnya DAP telah meningkat. Dua buah kawasan parlimen iaitu P.172 Kota Kinabalu dan P.186 Sandakan telah dimenangi oleh calon DAP, manakala empat kawasan DUN, iaitu N.14 Likas, N.16 Luyang, N.19 Kepayan dan N.57 Sri Tanjung telah dikuasai oleh DAP. Sebuah kerusi DUN majoriti

pengundi kaum Cina juga dikuasai oleh PKR, iaitu N.15 Api-Api. Parti-parti pembangkang menguasai tujuh kerusi kesemuanya di kawasan majoriti kaum Cina, iaitu di dua buah kawasan Parlimen dan lima kawasan DUN.

Hasil kajian ini diharapkan akan dapat menjelaskan kedudukan parti-parti komponen BN serta parti-parti politik PH serta faktor-faktor yang berkaitan. Dengan maklumat dan hasil penemuan kajian ini, maka parti-parti politik yang berkaitan, khususnya BN yang sekian lama berkuasa di negeri Sabah dapat menggunakannya dalam menganalisis kedudukan parti-parti politik masing-masing bagi kepentingan dalam PRU akan datang.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini mempunyai empat objektif utama, iaitu;

1. Membincangkan pencapaian parti-parti politik utama yang bertanding dalam PRU-14 di kawasan majoriti pengundi kaum Cina di negeri Sabah.
2. Menilai dan mengenal pasti adakah terdapat hubungan antara faktor etnik/agama dan sokongan/kemenangan sesebuah parti politik.
3. Menganalisis faktor-faktor yang membawa kepada kegagalan/kekalahan dan kejayaan/kemenangan sesebuah parti politik di kawasan majoriti pengundi kaum Cina.
4. Membuat cadangan terhadap parti-parti politik tertentu berdasarkan penemuan/hasil kajian ini.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Permasalahan utama kajian ini adalah hubungan antara pola pengundian kaum Cina dan kesan kepada keputusan PRU-14 di kawasan majoriti kaum Cina di negeri Sabah (kawasan Parlimen dan DUN). Sejauh manakah perubahan pola pengundian kaum Cina yang berlaku di negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu memberi kesan kepada pola pengundian kaum Cina di negeri Sabah. Adakah berlaku perubahan besar dalam pola pengundian kaum Cina dan memberi kesan kepada keputusan PRU-14 negeri Sabah (serta pencapaian keseluruhan BN akibat daripada perubahan sokongan pengundian kaum

Cina). Adakah terdapat perbezaan pola pengundian kaum Cina antara kawasan majoriti kaum Cina di negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu dan negeri Sabah?

## **PERSOALAN KAJIAN**

Terdapat enam persoalan dalam kajian ini, iaitu:

1. Adakah pencapaian BN dan parti-parti bukan BN dalam PRU-14 di kawasan majoriti kaum Cina ini mempunyai persamaan dengan pola keputusan yang berlaku semasa PRU-13, 2013?
2. Dalam aspek manakah/kawasan Parlimen atau DUN manakah terdapat perbezaan pencapaian parti komponen BN dalam PRU-13 dan PRU-14 di kawasan majoriti kaum Cina Sabah?
3. Apakah isu-isu utama yang dijadikan asas dalam kempen pilihan raya, bagi menarik sokongan pengundi kepada parti masing-masing di kawasan majoriti Cina dalam PRU-14?
4. Kawasan majoriti kaum Cina manakah yang memberikan sokongan kuat kepada parti- parti politik bukan BN?
5. Adakah terdapat perbezaan pola sokongan parti-parti politik antara kawasan majoriti kaum Cina yang besar peratusannya (melebihi 70 peratus) dan kawasan yang kurang daripada 70 peratus pengundi kaum Cina?
6. Parti politik manakah yang mendapat sokongan kuat di kawasan majoriti pengundi kaum Cina yang melebihi 70 peratus dan kenapa berlaku demikian?

## **METODE KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif kerana kaedah ini lebih sesuai dengan tajuk penyelidikan. Kaedah pengumpulan data dibahagikan kepada data primer dan data sekunder.

1. Data primer didapati melalui pemerhatian (*observation*) dan temu bual serta soal selidik para pengundi di kawasan kajian. Kaedah temu bual ini membolehkan para pengundi yang mengambil bahagian dalam kajian

memberikan pandangan mereka secara langsung. Dapatan daripada temu bual akan dianalisis berdasarkan tema (*thematic analysis*). Tema dan jumlah pengundi yang mengambil bahagian dalam kajian ini tidak ditentukan daripada peringkat awal (*not from the outset*). Sehubungan itu, gambaran yang sebenar daripada pengundi di peringkat akar umbi dapat dianalisis secara sistematik dan saintifik.

2. Data sekunder diperoleh daripada surat khabar, majalah, buku dan sumber atas talian yang diiktiraf. Sumber sekunder ini juga penting sebagai pelengkap kepada sumber primer.

### **Kedudukan Kerusi DUN dan Parlimen Kaum Cina di Sabah dalam Pilihan Raya (Pilihan Raya Umum sebelum PRU-14)**

Negeri Sabah dianggap sebagai ‘simpanan tetap’ BN, iaitu merujuk kepada sokongan besar para pengundinya kepada calon-calon BN dalam pilihan raya sebelum PRU-14, 2018. Sokongan besar ini umumnya adalah daripada pengundi kawasan bumiputera Islam dan bumiputera bukan Islam. Kawasan majoriti pengundi kaum Cina menunjukkan keadaan sokongan yang berbeza, khususnya selepas pilihan raya umum tahun 2008. Mulai daripada PRU-12, Mac 2008 telah berlaku perubahan terhadap kawasan Parlimen dan DUN yang diwakili oleh majoriti kaum Cina. Keadaan sokongan pengundi kawasan majoriti kaum Cina yang tidak memihak kepada BN semakin jelas dalam PRU-13, Mei 2013. Sebahagian besar kawasan majoriti pengundi kaum Cina, sama ada kawasan Parlimen atau DUN menunjukkan sokongan yang kuat terhadap parti-parti bukan BN (menjadi parti pembangkang ketika itu), khususnya DAP.

Terdapat dua buah kawasan Parlimen dan lapan kawasan DUN yang terdiri daripada kawasan majoriti pengundi kaum Cina di Sabah. Maklumat terperinci adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dan 2.

**Jadual 1** Kawasan Parlimen majoriti kaum Cina di Sabah, PRU-13, 2013

Kawasan Parlimen	Pengundi Bumiputera Islam (%)	Pengundi Bumiputera Bukan Islam (%)	Pengundi Kaum Cina (%)	Pengundi Lain-lain Kaum (%)
P.172 Kota Kinabalu	17.88	8.91	70.28	2.93
P.186 Sandakan	27.45	4.05	61.45	7.05

*Sumber: Berita Harian (Keluaran Khas), 7 Mei 2013: 35 & 37 (d disesuaikan)*

**Jadual 2** Kawasan DUN majoriti kaum Cina di Sabah, PRU ke-13, 2013

Kawasan DUN	Pengundi			
	Bumiputera Islam (%)	Bumiputera Bukan Islam (%)	Kaum Cina (%)	Lain-lain Kaum (%)
N.14 Likas	16.72	6.43	73.75	3.10
N.15 Api-Api	30.86	6.02	59.76	3.36
N.16 Luyang	9.02	12.96	75.54	2.48
N.19 Kepyayan	13.5	34.93	48.73	2.84
N.44 Karamunting	36.0	1.85	53.35	7.80
N. 45 Elopura	26.45	15.15	61.00	7.40
N. 46 Tanjung Papat	29.9	2.52	61.18	6.40
N. 57 Sri Tanjung	16.5	2.70	74.00	6.80

*Sumber: Berita Harian (Keluaran Khas), 7 Mei 2013: 35-37 (d disesuaikan)*

Dalam PRU-12, 2008 DAP hanya memenangi satu kawasan Parlimen dan satu kawasan DUN sahaja. Kawasan Parlimen yang dimenangi oleh calon DAP dalam PRU 2008 adalah P.172 Kota Kinabalu dan DUN N.57 Sri Tanjung (dalam kawasan Parlimen P.190 Tawau, iaitu yang meliputi Bandar Tawau). Undi majoriti yang diperolehi oleh calon DAP dalam PRU-12, 2008 tidaklah begitu besar. Calon DAP di P.172 Kota Kinabalu menang dengan majoriti 106 undi sahaja (lihat *Berita Harian*, 10 Mac 2008: 41). Majoriti yang kecil ini mungkin disebabkan oleh pertandingan empat penjujur antara BN, PKR, DAP dan seorang calon Bebas (lihat Jadual 3). Kedua-dua buah parti yang bersama-sama menjadi anggota Pakatan Rakyat (iaitu PKR dan DAP) turut bertanding dalam Parlimen Kota Kinabalu dalam PRU tahun 2008. DAP mungkin akan mendapat undi majoriti yang lebih besar jika berlaku pertandingan satu lawan

satu dengan calon BN. Dalam PRU 2008 ini menunjukkan kedua-dua calon daripada PKR dan DAP masing-masing mendapat sokongan yang kuat. DAP mendapat 9,464 undi. Manakala PKR mendapat 9,358 undi, hanya perbezaan seratus undi lebih sahaja (lihat Jadual 3).

**Jadual 3** Keputusan parlimen P.172 Kota Kinabalu, PRU-12, 2008

Calon/Parti Politik	Jumlah Undi
Chin Teck Ming (BN)	8,420
Liew Chin Jin (PKR)	9,358
Hiew King Chiew (DAP)	9,464
Kong Yu Kiong (Bebas)	341
<b>Undi Majoriti</b>	<b>106 undi (9,464–9,358)</b>

Sumber: *Berita Harian*, 10 Mac 2008: 41

Majoriti yang lebih besar oleh calon DAP dapat diperoleh dengan satu lawan satu dengan calon BN. Hal ini terbukti apabila pertandingan satu lawan satu antara DAP dan BN dalam PRU-13 pada Mei 2013, iaitu calon DAP mendapat undi majoriti yang jauh lebih besar.<sup>1</sup> Dalam pertandingan PRU 2013, calon DAP Wong Sze Phin @ Jimmy mendapat 28,516 undi, manakala calon BN, iaitu Chin Teck Ming mendapat 9,557 undi (rujuk Jadual 4). Calon DAP menang dengan majoriti besar iaitu 18,959 undi (*Berita Harian* (Keluaran Khas), Selasa, 7 Mei 2013: 35).

**Jadual 4** Keputusan parlimen P.172 Kota Kinabalu, PRU-13, Mei 2013

Calon/Parti Politik	Jumlah Undi
Chin Teck Ming (BN)	9,557
Wong Sze Phin @ Jimmy (DAP)	28,516
Liew Hock Leong @ Michael (STAR)	909
<b>Undi Majoriti</b>	<b>28,516–9,557 = 18,959 undi</b>

Sumber: *Berita Harian* (Keluaran Khas), Selasa, 7 Mei 2013: 35

Perubahan besar berlaku dalam PRU-13, 2013, iaitu parti politik bukan BN (pihak pembangkang pada masa itu) menguasai lebih banyak kerusi Parlimen dan DUN di kawasan majoriti pengundi kaum Cina. Parti-parti politik Pakatan Rakyat memenangi lebih banyak kawasan Parlimen dan kawasan DUN berbanding dengan pilihan raya sebelumnya. DAP berjaya menguasai



dua kawasan Parlimen iaitu P.172 Kota Kinabalu dan P.186 Sandakan. PKR berjaya menawan kerusi parlimen P.174 Penampang. Walaupun P.174 bukan sebuah kawasan majoriti pengundi kaum Cina, tetapi kawasan ini mempunyai peratus pengundi kaum Cina yang agak besar iaitu sebanyak 32.38 peratus.

Daripada lapan kawasan DUN majoriti kaum Cina di negeri Sabah, DAP menang di empat buah kerusi DUN, PKR satu kerusi dan tiga buah kerusi dimenangi oleh calon BN. Kedudukan parti-parti politik di kawasan majoriti kaum Cina dalam DUN Sabah adalah seperti pada Jadual .

**Jadual 5** Keputusan kawasan DUN majoriti kaum Cina di Sabah, PRU 2013

DUN	BN	Pakatan Rakyat	SAPP	STAR	Bebas
N.14 Likas	2,094	7,746 (DAP)	1,487	155	-
N.15 Api-Api	5,058	5,853 (PKR)	713	152	14
N.16 Luyang	2,537	11,213 (DAP)	1,694	259	-
N.19 Kepayan	5,733	13,020 (DAP)	2,030	720	-
N.44 Karamunting	6,235	5,382 (DAP)	352	-	-
N.45 Elopura	8,105	7,854	469	-	-
N.46 Tanjong Papat	6,153	4,631	191	-	-
N.57 Sri Tanjong	5,021	10,948 (DAP)	260	128	-

*Sumber: Berita Harian (Keluaran Khas), 7 Mei 2013: 35 & 37 (d disesuaikan)*

Pertandingan sebenar di lapan kawasan DUN majoriti kaum Cina di negeri Sabah adalah antara calon BN dan Pakatan Rakyat, khususnya DAP. Parti-parti politik tempatan seperti SAPP dan STAR tidak mendapat sokongan yang besar. Hanya SAPP yang mempunyai sokongan agak besar di N.14 Likas, N.16 Luyang dan N.19 Kepayan, dengan masing-masing mendapat 1,487, 1,694 dan 2,030 undi. Faktor peribadi mempunyai hubungan dengan pencapaian calon SAPP di beberapa kawasan DUN. Misalnya di N.14 Likas calon SAPP mendapat 1,487 undi ada hubungannya dengan calon yang bertanding iaitu Yong Teck Lee, seorang tokoh yang di kenali dan salah seorang bekas Ketua Menteri Sabah (*Berita Harian (Keluaran Khas)*, Selasa, 7 Mei 2013: 35). Walau bagaimanapun, sokongan pengundi terhadap SAPP dan STAR bukanlah satu ancaman sama ada kepada calon BN ataupun Pakatan Rakyat. Sokongan besar pengundi hanya diberikan sama ada kepada calon BN atau Pakatan Rakyat (DAP atau PKR).

Kawasan DUN yang besar peratus pengundi kaum Cina dimenangi oleh calon DAP dengan majoriti yang besar. Tiga buah kawasan DUN majoriti pengundi Cina yang peratus pengundi Cinanya adalah melebihi 70 peratus, iaitu N.14 Likas (73.75 peratus), N. 16 Luyang (75.5 peratus) dan N.57 Sri Tanjong (74 peratus) dimenangi oleh calon DAP dengan majoriti yang sangat besar. Calon DAP di N.14 Likas menang dengan majoriti 5,662 undi, N.16 Luyang 8,675 dan di N.57 Sri Tanjong dengan majoriti 5,927 undi, iaitu majoriti yang besar dan benar-benar selamat bagi sesebuah kawasan DUN.

Kawasan yang dimenangi oleh calon BN pula adalah kawasan DUN yang peratus pengundi kaum Cinanya lebih kecil, iaitu di N.44 Karamunting (53 peratus pengundi Cina), N.45 Elopura (61 peratus) dan N.46 Tanjong Papat (61.18 peratus). Peratus pengundi kaum bumiputera di tiga buah kawasan DUN yang dimenangi oleh calon BN ini adalah lebih besar, iaitu masing-masing 37.85 peratus di N.44 Karamunting, 41.66 peratus di N.45 Elopura dan 32.42 peratus di N.46 Tanjong Papat.<sup>2</sup> Majoriti undi yang dimenangi oleh calon BN ini adalah jauh lebih kecil (daripada yang dimenangi oleh calon DAP), iaitu hanya 251 undi di Elopura dan 855 undi di Karamunting. Hanya dengan sedikit perubahan sokongan pengundi bumiputera akan membolehkan calon DAP (calon bukan BN) ini menguasai kerusi DUN Elopura dan Tanjong Papat.<sup>3</sup>

Merujuk kepada lapan kawasan DUN majoriti pengundi kaum Cina ini, terdapat hubungan yang rapat antara peratus pengundi kaum Cina dan jumlah undi yang diperoleh oleh calon Pakatan Rakyat, khususnya DAP. Kawasan majoriti kaum Cina lebih cenderung kepada calon bukan BN, khususnya DAP dan PKR kaum Cina. Calon BN sukar untuk menang besar di kawasan yang mempunyai besar peratus pengundi kaum Cina.

## **Kedudukan Kerusi DUN dan Parlimen Kaum Cina di Sabah dalam PRU-14**

Keputusan PRU-14 menunjukkan bahawa negeri Sabah bukan lagi negeri yang dianggap sebagai 'simpanan tetap' bagi BN. Sokongan besar yang diberikan oleh pengundi Sabah kepada calon-calon BN seperti dalam pilihanraya sebelumnya telah berubah dalam PRU-14. Perubahan besar telah berlaku

bukan sahaja bagi kawasan majoriti pengundi kaum Cina, tetapi juga berlaku perubahan sokongan kepada calon bukan BN di kawasan pengundi majoriti bumiputera Islam dan bumiputera bukan Islam. Melalui PRU-14, 2018 BN hanya berjaya memenangi 29 daripada 60 kerusi DUN dan hanya 10 daripada 25 kerusi parlimen. Gabungan Parti Warisan, PKR dan DAP juga mendapat 29 kerusi DUN. Dengan sokongan daripada lima anggota DUN BN (yang membuat keputusan melompat keluar daripada BN), Parti Warisan dan parti-parti gabungan Pakatan harapan berjaya membentuk kerajaan negeri Sabah.

### **Kawasan Parlimen Majoriti Kaum Cina/Peratus Besar Kaum Cina dalam PRU-14**

Terdapat dua buah kawasan Parlimen yang mempunyai majoriti pengundi kaum Cina di Sabah, iaitu P.172 Kota Kinabalu dan P.186 Sandakan. Beberapa buah kerusi Parlimen lain juga mempunyai komposisi pengundi kaum Cina yang agak besar iaitu P.174 Penampang (38.9 peratus), P.185 Batu Sapi (31.7 peratus) dan P.190 Tawau (35.8 peratus). Angka terperinci bagi semua kumpulan kaum utama bagi kawasan Parlimen di atas, sila lihat Jadual 6.

**Jadual 6** Kawasan Parlimen majoriti/peratus yang besar kaum Cina di Sabah dalam PRU-14

<b>Kawasan Parlimen</b>	<b>Pengundi Bumiputera Islam (%)</b>	<b>Pengundi Bumiputera Bukan Islam (%)</b>	<b>Pengundi Kaum Cina (%)</b>	<b>Pengundi Lain- lain Kaum (%)</b>
P.172 Kota Kinabalu	15.1 (17.88)	9.9 (8.91)	70.1 (70.28)	4.9 (2.93)
P. 186 Sandakan	41 (27.45)	5.1 (4.05)	51.6 (61.45)	2.3 (7.05)
P.174 Penampang	10.8 (9.54)	49.4 (55.83)	38.9 (32.38)	0.9 (2.25)
P.190 Tawau	60.4 (51.65)	3.2	35.8 (43.85)	0.6 (3.8)
P.185 Batu Sapi	64.7 (51.2)	3.4 (2)	31.7 (37)	0.2 (9.8)

\*angka dalam kurungan adalah peratus bagi PRU 13, 2013.

*Sumber: Berita Harian, Jumaat 11 Mei 2018: 38-41*

Kesemua kawasan Parlimen yang mempunyai majoriti atau peratus yang besar pengundi kaum Cina dimenangi oleh calon bukan BN. P.172 dan P.186 dimenangi oleh calon DAP, manakala kawasan P.174 Penampang dan P.185 Batu Sapi dimenangi oleh calon Parti Warisan. P.190 Tawau dimenangi oleh calon PKR. Calon-calun BN mendapat undi popular yang sangat kecil berbanding dengan jumlah undi yang diperoleh oleh calon bukan BN. Angka-angka terperinci bagi enam kawasan parlimen di atas adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.

**Jadual 7** Keputusan kawasan Parlimen majoriti/peratus besar kaum Cina di Sabah, PRU-14, 9 Mei 2018

Kawasan Parlimen	Barisan Nasional	DAP PKR Warisan	SAPP Solidariti Harapan Rakyat Amanah	Anak Negeri PAS
P.172 Kota Kinabalu	7,546	31,632 (DAP)	3,132 (SAPP)	-
P. 186 Sandakan	8,996	19,094 (DAP)	-	-
P.174 Penampang	8,997	32,470 (Warisan)	1,196 (Solidariti)	445 (Anak Negeri)
P.190 Tawau	16,673	21,400 (PKR)	2,162 (Harapan Rakyat)	2,518 (PAS)
P.185 Batu Sapi	8,357	12,976 (Warisan)	980 (Amanah)	948 (PAS)

Sumber: *Berita Harian*, 11 Mei 2018: 38–41

Persaingan sebenar hanya berlaku antara calon BN dan parti-parti politik yang bekerjasama dengan PH (iaitu PKR, DAP atau Parti Warisan). Hanya calon-calun daripada BN dan gabungan Pakatan Harapan yang mendapat sokongan besar. Calon DAP masing-masing menang di P.172 Kota Kinabalu dan P.186 Sandakan dengan majoriti masing-masing 24,086<sup>4</sup> dan 10,098 undi,<sup>5</sup> manakala calon Parti Warisan menang besar di P.174 Penampang dan P.185 Batu Sapi, masing-masing dengan 23,473<sup>6</sup> dan 4,619 undi. Calon-calun daripada parti-parti politik lain seperti SAPP, Harapan Rakyat, Solidariti, Parti Anak Negeri, Amanah dan PAS tidak mendapat undi yang besar.

Mohamad Husain adalah calon Pas yang bertanding di P.190 Tawau mendapat sokongan yang agak besar iaitu sebanyak 2,518 undi. Hal ini mungkin melambangkan undi protes daripada pengundi bumiputera Islam

kerana kawasan ini adalah terdiri daripada lebih 60 peratus pengundi bumiputera Islam, tetapi kedua-dua calon sama ada BN dan PKR adalah daripada kaum Cina. Sekiranya BN meletakkan calon daripada bumiputera Islam, besar kemungkinan calon BN akan mendapat undi yang lebih besar. Salah satu strategi pihak PAS juga adalah meletakkan calon PAS untuk bertanding di kawasan yang terdiri daripada majoriti pengundi bumiputera Islam, tetapi pihak BN atau Pakatan Harapan meletakkan calon bukan Melayu/ bukan Islam bertanding.<sup>7</sup>

### **Kawasan Dewan Undangan Negeri Majoriti Kaum Cina di Sabah dalam PRU-14**

Terdapat tujuh kawasan DUN yang terdiri daripada majoriti pengundi kaum Cina dalam PRU-14 Sabah. N.44 Karamunting sebelum ini adalah kawasan majoriti pengundi kaum Cina telah berubah kepada hanya 41.9 peratus pengundi kaum Cina, berbanding dengan kedudukan 53.35 peratus semasa PRU-13, 2013.<sup>8</sup> Dalam PRU-14, 2018 peratus pengundi bumiputera Islam di kawasan DUN Karamunting meningkat kepada 53.1 peratus mengatasi peratus pengundi kaum Cina yang hanya 41.9 peratus. Angka-angka yang terperinci menunjukkan kedudukan pengundi kaum Cina di lapan kawasan DUN adalah seperti dalam Jadual 8.

**Jadual 8** Kedudukan peratusan pengundi mengikut kaum di lapan kawasan DUN Sabah, PRU-14, 2018

<b>Kawasan DUN</b>	<b>Pengundi Bumiputera Islam (%)</b>	<b>Pengundi Bumiputera Bukan Islam (%)</b>	<b>Pengundi kaum Cina (%)</b>	<b>Pengundi Lain-lain Kaum (%)</b>
N.14 Likas	9.3	7.7	78.6	4.4
N.15 Api-Api	30.1	12.1	50.5	7.3
N. 16 Luyang	7.1	9.5	80.1	3.3
N.19 Kepayan	14.9	29.6	54.4	1.1
N.44 Karamunting	53.1	4.7	41.9	0.3
N.45 Elopura	39.9	6.3	51.3	2.5
N.46 Tanjong Papat	42.9	3.1	52.1	1.9
N.57 Sri Tanjong	30.9	2.7	65.6	0.8

*Sumber: Berita Harian, Jumaat 11 Mei 2018: 38–41, (disesuaikan)*

Semua kawasan majoriti pengundi kaum Cina dan yang mempunyai peratus besar pengundi kaum Cina (Karamunting) dimenangi oleh calon bukan BN, sama ada DAP, PKR atau Parti Warisan. Semua calon daripada parti komponen BN telah mengalami kekalahan di semua kawasan majoriti pengundi kaum Cina.

Calon DAP menang di enam kawasan DUN dengan jumlah undi yang besar, iaitu majoriti yang benar-benar selamat. Enam kawasan itu ialah N.14 Likas, N.16 Luyang, N.19 Kepayan, N.45 Elopura, N.46 Tanjong Papat dan N.57 Sri Tanjong. Dua calon DAP menang dengan majoriti yang sangat besar, iaitu melebihi 10,000 undi iaitu di N.16 Luyang dan N.19 Kepayan. Phoong Jin Zhe yang bertanding di N.16 Luyang mendapat 12,408 undi majoriti mengalahkan Dr. Pamela Yong, calon BN yang hanya mendapat 1,829 undi. Dr. Pamela Yong, seorang doktor gigi gagal menarik sokongan pengundi kaum Cina kepada BN. Kebajikan tempatan yang cuba diketengahkan oleh Pamela Yong tidak dapat menarik perhatian pengundi tempatan supaya memilih BN. Sebaliknya, isu-isu nasional dan dasar ekonomi yang menekan rakyat telah membawa sokongan besar pengundi kepada calon DAP. Undi majoriti yang besar juga diperoleh oleh calon DAP di N.19 Kepayan dengan jumlah undi majoriti sebanyak 13,250 undi. Calon BN di kawasan DUN Kepayan hanya mendapat 6,308 undi sahaja.

Calon-calun DAP lain juga mendapat undi majoriti yang selamat. Tan Lee Fatt menang di N.14 Likas dengan majoriti 7,902 undi, iaitu lebih besar daripada undi majoriti yang diperoleh oleh calon DAP, Wong Hong Jun dalam PRU-13, 2013 iaitu sebanyak 5,662 undi. Begitu juga dengan calon DAP di N.57 Sri Tanjong mendapat undi majoriti yang lebih besar daripada yang dicapai dalam PRU-13, 2013. Calon DAP di Sri Tanjong iaitu Wong Sze Phin @ Jimmy<sup>9</sup> mendapat majoriti sebanyak 9,383 undi, lebih besar berbanding dengan yang diperoleh oleh Chan Foong Hin sebanyak 5,927 dalam PRU-13, 2013.

Dua buah kawasan DUN dalam kawasan Parlimen Sandakan iaitu N.45 Elopura dan N.46 Tanjong Papat adalah dua buah kawasan DUN yang baharu dimenangi oleh DAP. Dalam beberapa pilihan raya sebelum ini, dua buah kawasan ini mempunyai pengaruh kuat BN. Dalam pilihan raya umum 2008

dan 2013, calon BN di kedua-dua buah kawasan ini menang dengan majoriti selamat.<sup>10</sup> Perubahan besar berlaku kepada calon-calon DAP di kedua-dua kawasan DUN ini. Sokongan terhadap calon BN menurun, yang membawa kemenangan kepada calon DAP. Calon DAP di N.45 Elopura mendapat 12,219 undi mengalahkan calon BN yang hanya mendapat 5,572 undi (majoriti besar 6,647 undi). Peningkatan sokongan terhadap calon DAP juga berlaku di N.46 Tanjong Papat dengan mendapat 5,818 undi, mengalahkan calon BN Datuk Raymond Tan Shu Kiah yang hanya mendapat 4,002 undi. Kekalahan calon BN di N.46 Tanjong Papat ini memberi makna yang besar iaitu penolakan terhadap calon BN kerana Datuk Raymond Tan adalah Timbalan Ketua Menteri Sabah dan telah menguasai kerusi DUN Tanjong Papat sejak beberapa penggal yang lalu. Dasar ekonomi Kerajaan BN dan kesan kepada kehidupan rakyat, isu pengurusan kampung setinggian (seperti yang berlaku di Kampung BDC) dan faktor-faktor peribadi calon BN mempunyai hubungan dengan perubahan sokongan pengundi kepada calon DAP. Senarai calon DAP yang bertanding serta keputusan dan undi majoriti yang diperoleh adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.

**Jadual 9** Calon-calon DAP DUN Sabah PRU-14, 2018

<b>Kawasan DUN</b>	<b>Nama Calon DAP</b>	<b>Undi Majoriti</b>
N.14 Likas	Tan Lee Fatt	9,163-1,261 = 7,902
N.16 Luyang	Phoong Jin Zhe	14,237-1,829 = 12,408
N.19 Kepyayan	Jannie Lasimbang	19,558-6,308 = 13,250
N.45 Elopura	Chong Ket Kiun	12,219-5572 = 6,647
N.46 Tanjong Papat	Poon Ming Fung	5,818-4,002 = 1,816
N.57 Sri Tanjong	Wong Sze Phin @ Jimmy	13,673-4,290 = 9,383

*Sumber: Berita Harian, Jumaat 11 Mei 2018: 38-41 (disesuaikan)*

Dua buah lagi kawasan DUN yang mempunyai majoriti dan peratus besar pengundi Cina, iaitu N.15 Api-Api dan N.44 Karamunting juga gagal dimenangi oleh calon BN. N.15 Api-Api dimenangi oleh calon PKR, Liew Chin Jin dengan undi majoriti 2,954 undi. Walaupun berlaku pertandingan lima penjur, iaitu BN, PKR, SAPP, Parti Anak Negeri dan calon Bebas, pertandingan sebenar hanyalah antara BN dan PKR. N.44 Karamunting dimenangi oleh calon Parti Warisan, Hiew Vun Zin dengan majoriti 3,848 undi mengalahkan calon BN, Lim Kai Min yang hanya mendapat 3,395

undi. Angin perubahan kepada Parti Warisan dan sokongan parti-parti yang bekerjasama dengan PH telah membawa kemenangan kepada Hiew Vun Zin.<sup>11</sup> Penolakan pengundi kepada calon BN dikaitkan dengan masalah kehidupan rakyat akibat daripada dasar-dasar Kerajaan Pusat pimpinan Datuk Najib.

## **KESIMPULAN**

Sokongan pengundi di kawasan majoriti pengundi Cina di negeri Sabah telah membawa perubahan besar sama ada di peringkat Parlimen dan DUN dalam PRU-14, 2018. Semua kawasan Parlimen dan DUN telah memberikan sokongan besar kepada parti-parti bukan BN. Calon-calon Parti Warisan, DAP dan PKR telah berjaya mengalahkan calon BN di semua kawasan. Situasi ini berbeza dengan apa yang dicapai oleh calon-calon BN dalam PRU-13 dan PRU sebelumnya. Dalam PRU sebelum ini, khususnya sebelum PRU-13, kedudukan BN di Sabah masih kukuh. Sebelum PRU-13, hanya kawasan parlimen P.172 Kota Kinabalu yang berjaya dimenangi oleh DAP. Dalam PRU-13, 2013 dua kawasan parlimen iaitu P.172 Kota Kinabalu dan P.186 Sandakan berjaya dimenangi DAP, tetapi undi majoriti DAP di P.186 Sandakan sangat kecil, iaitu 1,088 undi sahaja. Dalam PRU-14, kedudukan DAP di P.172 Kota Kinabalu dan P.186 Sandakan adalah sangat kuat iaitu dengan majoriti masing-masing 24,086 undi majoriti di Kota Kinabalu dan 10,098 undi majoriti di Parlimen Sandakan. Calon DAP juga berjaya memenangi kerusi parlimen P.181 Tenom, iaitu di kawasan parlimen campuran. Calon DAP, Noorita Sual mendapat 11,363 undi mengalahkan calon BN, Rubin Balang dengan majoriti 1,133 undi. Kemenangan ini adalah satu perkembangan baharu DAP di Sabah iaitu calon DAP bukan sahaja boleh berjaya di kawasan majoriti pengundi kaum Cina, tetapi juga kawasan campuran.<sup>12</sup>

Perubahan besar juga berlaku di peringkat DUN. Dalam PRU-13, masih terdapat tiga kawasan majoriti pengundi kaum Cina yang dikuasai oleh calon BN, iaitu N.44 Karamunting, N.45 Elopura dan N.46 Tanjong Papat. Perubahan besar telah berlaku di mana calon BN di semua kawasan majoriti pengundi kaum Cina telah gagal memenangi sebarang kerusi. Calon-calon DAP dan Parti Warisan menang dengan majority besar dan selamat. Misalnya, calon DAP di Elopura menang dengan majoriti 6,647 undi majoriti.



Pola pengundian dan perubahan yang berlaku di Sabah adalah sama dengan apa yang berlaku di negeri Persekutuan Tanah Melayu, iaitu calon-calon BN yang bertanding di kawasan majoriti pengundi kaum Cina telah mengalami kekalahan teruk. Pengundi kaum Cina telah membuat satu keputusan yang sama iaitu mengundi parti-parti politik yang bekerjasama dengan PH, harapan sama ada di peringkat DUN atau Parlimen. Keputusan dan perubahan ini mempunyai hubungan rapat dengan dasar-dasar Kerajaan Pusat, khususnya dalam dasar ekonomi yang mempunyai kesan langsung kepada kehidupan rakyat.

## **Penghargaan**

Para penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak UMS melalui pembiayaan geran penyelidikan SDK0039-2018. Para penulis juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada penilai makalah ini atas komen yang membina.

## **Nota**

- <sup>1</sup> Calon daripada Parti STAR tidak mendapat sokongan besar daripada para pengundi. Calon STAR iaitu Liew Hock Leong @ Michael hanya mendapat 909 undi. Pertandingan sebenar adalah antara calon BN, Chiun Teck Ming dan calon DAP, Wong Sze Phin @ Jimmy sahaja (lihat *Berita Harian*, (Keluaran Khas), Selasa, 7 Mei 2013: 35).
- <sup>2</sup> Lihat Jadual 2. Angka-angka ini diperolehi dengan mencampurkan peratus pengundi bumiputera Islam dan bumiputera bukan Islam. Di N.44 Karamunting adalah 36.0 campur 1.85 (37.85 peratus), di N.45 Elopura adalah 26.45 campur 15.15 (41.66 peratus) dan di N.46 Tanjong Papat adalah 29.9 campur 2.52 (32.42 peratus). Perubahan sokongan pengundi bumiputera kepada calon DAP adalah perlu bagi mendapatkan kemenangan kerusi-kerusi DUN ini.
- <sup>3</sup> Perbincangan tentang persoalan ini akan dibincangkan dalam bahagian pilihan raya 2014, apabila kedua-dua buah kerusi ini berjaya dimenangi oleh calon DAP. Apakah isu-isu yang menyebabkan pengundi bumiputera telah mengubah pola pengundian mereka.
- <sup>4</sup> Undi majoriti yang diperolehi oleh calon DAP di P.172 Kota Kinabalu, iaitu Chan Foong Hin (24,086 undi) adalah undi majoriti tertinggi bagi seluruh kerusi Parlimen Sabah. Calon BN hanya mendapat 7,546 undi sahaja.
- <sup>5</sup> Undi majoriti yang diperolehi oleh calon DAP dalam PRU-14 ini adalah jauh lebih besar daripada yang dicapai dalam PRU ke-13, 2013. Dalam PRU 2013, undi majoritinya hanyalah 1,088 undi sahaja.

- <sup>6</sup> Undi majoriti yang diperoleh oleh calon Parti Warisan di P.174 Penampang, iaitu Ignatius Dorell Leiking (23,473 undi) adalah majoriti kedua tertinggi bagi seluruh kawasan Parlimen negeri Sabah. Calon BN hanya mendapat 8,997 undi sahaja. Ignatius Dorell Leiking juga telah menang dalam PRU-13 mengalahkan Tan Sri Bernard Dompok atas tiket PKR dengan majoriti 10, 216 undi.
- <sup>7</sup> Dalam kawasan Parlimen Tawau ini kedua-dua belah pihak sama ada BN atau PH meletakkan calon mereka daripada kaum Cina iaitu Datuk Mary Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin (Timbalan Menteri Kementerian Pengajian Tinggi) bagi BN dan Liew Chin Jin bagi PKR. Calon PKR menang dengan majoriti 4,727 undi.
- <sup>8</sup> Dalam PRU-12, 2008 juga N.44 Karamunting adalah juga kawasan majoriti pengundi kaum Cina dengan 53.17 peratus.
- <sup>9</sup> Wong Sze Phin @ Jimmy sebelum ini bertanding di kawasan Parlimen P. 172 Kota Kinabalu. Wong adalah tokoh yang sudah dikenali ramai dan tidak asing bagi pengundi Sri Tanjong. Calon DAP yang bertanding di N.57 Sri Tanjong dalam PRU-13 bertukar ke P.172 Kota Kinabalu, kawasan yang ditandingi oleh Wong Sze Phin @ Jimmy sebelum ini.
- <sup>10</sup> Dalam PRU-12, 2008 Datuk Raymond Tan Shu Kiah menang di N. 46 Tanjong Papat dengan majoriti besar 3,926 undi. Begitu juga dalam PRU-13, 2008 calon yang sama menang dengan majoriti 1,522 undi. Begitu juga dengan kedudukan BN di N.45 Elopura, PRU 2008 calon BN Au Kam Wah menang dengan majoriti 5,409 undi, dan dalam PRU-13, 2013 calon BN yang sama masih menang dengan majoriti kecil 251 undi (lihat *Berita Harian*, Keluaran Khas, 7 Mei 2013: 37 dan *Berita Harian*, 10 Mac 2008: 43).
- <sup>11</sup> Hiew Yun Zin sebelum ini adalah anggota DAP dan pernah bertanding di N.45 Elopura dalam PRU-13, 2013. Beliau mendapat sokongan yang agak kuat iaitu mendapat 7,854 undi, kalah dengan hanya 251 undi kepada calon BN.
- <sup>12</sup> Kawasan parlimen P.181 Tenom hanya terdiri daripada 13.2 peratus pengundi kaum Cina, selebihnya adalah 14.4 peratus bumiputera Islam dan 71.7 peratus pengundi bumiputera bukan Islam.

## Rujukan

- Berita Harian*. (2008). Keluaran Khas, 7 Mac.
- Berita Harian*. (2013). Keluaran Khas, 7 Mei.
- Berita Harian*. (2018). Keputusan Penuh PRU-14, 11 Mei.
- Danny, Wong Tze Ken. (2011). Pilihanraya Umum ke-12 di Sabah: Beberapa pemerhatian. Dlm. J.M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman & Sufian Mansor (Eds.). *Pilihanraya Umum Malaysia ke-12: Isu dan Pola Pengundian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Fernando, J. M. et al. (Eds.). (2011). *Pilihanraya Umum Malaysia ke-12: Isu dan pola pengundian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ghazali Mayudin (Ed.). (2008). *Politik Malaysia: Perspektif teori dan praktik*. Bangi: Penerbit UKM.
- Haris Zuan & Rizal Hamdan (Eds.). (2012). *Wacana baru politik Malaysia*. Petaling Jaya: SIRD Centre.

- Ho Hock Guan & Leo Suryadinata (Eds.). (2012). *Malaysian Chinese: Recent development and prospects*. Pasir Panjang, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Milne, R. S & Mauzy, D. K. (1992). *Politik dan kerajaan di Malaysia* (terj. Abdul Rauf Mohd. Napis & Ramlah Muhamad). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Noor Yazid. (2011). *Percaturan kuasa dan politik pilihan raya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mohd. Noor Yazid. (2016). *Tiang seri Perlembagaan dan kuasa politik Melayu*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Ooi Kee Beng *et al.* (2008). *March 8 eclipsing Mac 13*. Pasir Panjang, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Zaini Othman, Eko Prayitno Joko, Ramli Dollah, Amrullah Maraining & Kim Jong Eop. (2016). Malaysia's 13th General Election: Sabah - Barisan Nasional Fixed-Deposit State? *Southeast Asia Review*, 26 (3), 91–118.

